



**PERATURAN PERTANDINGAN**  
**Pertandingan Tarian Kreatif Borneo 2022**  
**23 – 25 September 2022**

**Dewan Konvensyen Ujana Kewangan, WP Labuan**

**Untuk maklumat lanjut, sila hubungi :**

**JABATAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN & KESENIAN , PERBADANAN LABUAN**

**(T) : +6 087 420231/ 408740 LYDIA (+60 14 3704944) **ATAU** HERZAWARNY (+011 16175077)**

**(F) : +6 087 426 582**

**(E) : [explore@labuantourism.my](mailto:explore@labuantourism.my)**

**(W) : [www.labuantourism.my](http://www.labuantourism.my)**

**Kategori : A). Pertandingan Tarian Kreatif Borneo**

**B). Pertandingan Tingkah Geruh ( Battle )**

**Yuran Penyertaan : R M500.00**

**Tarikh tutup penyertaan : 9 September 2022 (Jumaat)**

**PERTANDINGAN TARIAN SEMPENA BORNEO ARTS FESTIVAL 2022 PADA  
23 - 25 SEPT 2022 DI WP LABUAN**

## Peraturan Pertandingan

### 1. KONSEP PERTANDINGAN

- a) PERTANDINGAN TARIAN KREATIF BORNEO
- b) PERTANDINGAN TINGKAH GERUH ( BATTLE )

### 2. PENGANJUR PERTANDINGAN

JABATAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN KESENIAN  
PERBADANAN LABUAN

### 3. TARIKH PERTANDINGAN

TARIKH	MASA	PERKARA
<b>21 Sept 2022</b> (Rabu)	(2.30pm – 4.30pm)	Taklimat kumpulan dan Juri ( <i>Google Meet</i> )
<b>23 Sept 2022</b> (Jumaat)	(7.00am – 11.30am)	Pendaftaran Peserta Raptai Tarian Kreatif Borneo
	(1.00pm – 3.00pm)	Raptai Tarian Kreatif Borneo
<b>24 Sept 2022</b> (Sabtu)	(7.00pm – 12.00pm)	Raptai Tarian Kreatif Borneo (Sesi Kedua)
	(2.00pm – 5.00pm)	Pertandingan Tarian Kreatif Borneo (Sesi Pertama)
	(7.30pm – 11.00pm)	Pertandingan Tarian Kreatif Borneo (Sesi Kedua)

<b>25 Sept 2022 ( Ahad )</b>	( 8.00am – 12.00pm ) Separuh akhir	Pertandingan Tingkah Geruh ( BATTLE )
	( 9.00pm – 10.00pm ) Peringkat akhir	

#### 4. TEMPAT

DEWAN KONVENSYEN, UJANA KEWANGAN WP LABUAN.

#### 5. SYARAT – SYARAT PERTANDINGAN

- 5.1 Setiap kumpulan hendaklah terdiri daripada :- - Seorang pengurus Kumpulan  
- Seorang Koreografer/Pereka Tari/Jurulatih  
- Penari tidak kurang dari **8** orang dan tidak melebihi **12** orang.
- 5.2 Semua jenis tarian yang terdapat di **Borneo** boleh di persembahkan dan hanya 1 jenis tarian sahaja yang dibenarkan untuk diolah menjadi sebuah persembahan yang menarik dan kreatif.
- 5.3 Tema **Pertandingan Tarian Kreatif Borneo ialah Keramaian**. Sebagai Contoh:
- **Majlis keramaian perkahwinan / pertunangan / merisik**
  - **Meraikan pahlawan pulang dari perang**
  - **Meraikan Hari Gawai / Pesta Kaamatan**
- 5.4 Bagi kumpulan tarian yang berada **diluar Kepulauan Borneo** adalah diwajibkan membawa tarian yang terdapat di **Borneo** sahaja.
- 5.5 Setiap kumpulan adalah dilarang untuk membawa tarian berbentuk moden kontemporari dan drama tari.
- 5.6 Ritual / keagamaan dan pemujaan yang keterlaluan adalah **TIDAK** dibenarkan.
- 5.7 Penggunaan lagu baharu adalah digalakkan.
- 5.8 Penyertaan terbuka kepada semua kumpulan badan budaya sama ada dari agensi kerajaan, swasta, persatuan/kelab, sekolah atau institusi pengajian tinggi.

- 5.9 Pertandingan terbahagi kepada 2 bahagian yang wajib disertai oleh setiap kumpulan.
- **Pertandingan Tarian Kreatif Borneo**
  - **Pertandingan Tingkah (*Battle*)**
- 5.10 Pertandingan tingkah (*battle*) adalah berbentuk spontan dan penentuan pemenang adalah berdasarkan undi pihak juri. Rentak untuk pertandingan tingkah (*battle*) adalah Zapin, dan Joget sahaja.
- 5.11 Bagi kategori tingkah (***battle***) pemarkahan akan di tentukan oleh undian juri. **Berdasarkan Pemberian Bintang.**
- 5.12 Semua kumpulan di **wajibkan** menyertai Pertandingan Tingkah Geruh (*battle*)
- 5.13 Setiap kumpulan haruslah menghantar wakil **8** orang sahaja untuk setiap tingkah (***battle***) , 4 orang peserta tarian diwajibkan mewakili setiap kumpulan semasa Pertandingan Tingkah (***battle***) manakala 4 orang lagi peserta terbuka kepada guru pengiring , jurulatih & krew.
- 5.14 Anugerah Peningkah Terbaik akan di nilai melalui karakter & kemahiran menari semasa bertingkah (***Battle***).
- 5.15 Masa yang diperuntukan untuk Pertandingan Tarian Kreatif Borneo adalah **tidak kurang dari 3 minit dan tidak lebih dari 5 minit**. Markah akan ditolak sekiranya persembahan melebihi masa yang ditetapkan.
- 5.16 Masa persembahan akan dikira dan penalti / pemotongan markah akan dikenakan bagi persembahan yang melebihi masa yang ditetapkan .
- 5.17 Setiap persembahan hendaklah mempunyai **Tajuk** dan **Sinopsis tarian**. **Sinopsis** tidak melebihi 150 patah perkataan dan diwajibkan bagi setiap kumpulan untuk menyerahkan kepada pihak penganjur bersama borang penyertaan.
- 5.18 Keluasan pentas pertandingan (**40 kaki panjang X 20 kaki lebar**)
- 5.19 **Ketua kumpulan diwajibkan menyerahkan lagu tarian semasa taklimat untuk memudahkan penyelarasan pertandingan** . Bagi kumpulan yang tidak memberikan Salinan lagu semasa taklimat, tindakan ini akan menjelaskan markah persembahan mereka.

- 5.20 Penggunaan Visual / Skrin sebagai alat bantu semasa persembahan adalah digalakkan kerana turut diambil kira dalam pemarkahan. Audio dan Visual mestilah digabungkan dalam bentuk Format WMV atau MP4 sahaja.
- Ukuran saiz skrin LED ( 20 kaki panjang X 10 kaki lebar )
  - resolusi skrin LED ( 1080 X 1920 )
- 5.21 Penggunaan dialog adalah tidak dibenarkan. Walau bagaimanapun, penggunaan vocal sebagai effect adalah dibenarkan.
- 5.22 Penggunaan Bahan Api, Blowing Bubbles, Cecair, Minyak, Benda Tajam, Bahan Letupan, Komfetidan semua bahan yang membahayakan dalam persembahan adalah **TIDAK** dibenarkan dan dilarang didalam sesebuah persembahan dan menjadi kesalahan. 30 markah akan ditolak untuk kesalahan tersebut.
- 5.23 Kumpulan **TIDAK** dibenarkan menggunakan set **props** pentas, hanya **props** tangan sahaja yang dibenarkan. Sebagai contoh ; (Payung ,Kipas , Kain Sarung , pendayung sampan DLL )
- 5.24 Setiap peserta hendaklah menggunakan pakaian dan busana tarian yang bersesuaian dan bercirikan masyarakat budaya timur. Pakaian yang menjolok mata dan tidak sopan adalah dilarang sama sekali.
- 5.25 Yuran penyertaan adalah sebanyak **RM500** bagi setiap kumpulan dan T-shirt akan diberikan kepada kumpulan yang telah membuat pembayaran.
- 5.26 Pembayaran boleh dilakukan di :
- **Kaunter Pembayaran PL**  
**Blok B, Tingkat Bawah, Wisma Perbadanan Labuan**
  - **Akaun Bank Islam**  
**Nama : Perbadanan Labuan**  
**No. Akauan : 1501-1010-0057-12**
    - Sila nyatakan Tujuan pembayaran / recipient reference
    - **(Recipient Reference; NAMA KUMPULAN)**  
**( Other Payment Dertails: BAF2022/TARIAN)**
    - Sila lampirkan salinan pembayaran di dalam borang pertandingan di dalam talian *e-borang*
- 5.27 Yuran pertandingan tidak akan dikembalikan sekiranya kumpulan menarik diri selepas tarikh tutup pertandingan.

- 5.28 Penginapan dan makan minum adalah dibawah tanggungan sendiri. Penganjur hanya menyediakan pengangkutan semasa ketibaan dan balik sahaja.
- 5.29 Taklimat pertandingan dan juri akan diadakan pada **21 September 2022 jam 2.30pm melalui online (google meet)**
- 5.30 Keputusan pengadil adalah muktamad. Sebarang bantahan hendaklah dibuat secara bertulis dan dikenakan bayaran sebanyak RM500. Wang bayaran tidak akan dikembalikan.
- 5.31 Pihak penganjur tidak akan bertanggungjawab atas sebarang kecederaan atau kemalangan yang berlaku semasa pertandingan ianya adalah dibawah tanggungjawab pengurus kumpulan.
- 5.32 Tarikh tutup penyertaan adalah sebelum atau pada **9 September 2022 (Jumaat) jam 5 petang**. Penyertaan selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.
- 5.33 Penyertaan pertandingan **TERHAD** kepada **24** kumpulan sahaja.
- 5.34 Untuk tujuan kelancaran acara raptai, setiap peserta **dimestikan** hadir sehari sebelum hari raptai berlangsung. Jadual awal raptai adalah berdasarkan makluman ketibaan setiap pasukan yang bertanding.
- 5.35 Sebarang perubahan tarikh & masa ketibaan setiap kumpulan hendaklah di maklumkan kepada pihak urusetia dengan kadar segera bagi mengelakan sebarang pelanggaran jadual raptai yang telah ditetapkan.
- 5.36 Jadual raptai akan diberikan seminggu selepas tarikh tutup pertandingan. Setiap kumpulan **diwajibkan** menepati masa & jadual yang ditetapkan oleh pihak urusetia.
- 5.37 Setiap kumpulan hanya di peruntukan masa selama **20 minit sahaja** bagi sesi raptai.
- 5.38 Semasa berada di dalam Dewan Konvesyen Ujana Kewangan sentiasa mematuhi **SOP** yang telah ditetapkan dan **memakai Pelitup Muka (Mask)** sepanjang berada didalam dewan.

## 6. PENGADILAN DAN MARKAH

6.1 Penilaian berdasarkan kepada:-

Kreteria Penilaian	Peratusan Pemarkahan
Koreografi & Kreativiti	50%
Susunan Muzik	15%
Busana & Tatarias	15%
Props	10%
Visual	10%
Jumlah	100%

## 7. HADIAH

### KATEGORI KREATIF BORNEO

NILAI	KEDUDUKAN	WANG TUNAI	IRINGAN HADIAH
TITANIUM	1	RM 12,000.00	+ Piala dan sijil penyertaan
PLATINUM	2	RM 5,000.00	+ Piala dan sijil penyertaan
GOLD	3	RM 3,000.00	+ Piala dan sijil penyertaan
SILVER	4 dan 5	RM 1,000.00	+ Sijil penyertaan
BRONZE	6 hingga 10	RM 500.00	+ Sijil penyertaan

### PERSEMBAHAN *BATTLE*

TITANIUM	RM 6,000.00
PLATINUM	RM 3,000.00
GOLD	RM 2,000.00
SILVER	RM 1,000.00

### HADIAH SAMPINGAN

KOREOGRAFI TERBAIK	RM 500.00
VISUAL TERBAIK	RM 500.00
KUMPULAN HARAPAN	RM 500.00
ANUGERAH KHAS JURI	RM 500.00
MUZIK TERBAIK	RM 500.00
BUSANA DAN TATARIAS TERBAIK	RM 500.00
MUZIK TERBAIK	RM 500.00
PENINGKAH TERBAIK ( <i>BATTLE</i> )	RM 500.00

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi Jabatan Pelancongan, Kebudayaan dan Kesenian, Perbadanan Labuan di talian **087-420231 / 408740** atau **Pn. Lydia (014 - 3704944) / Pn. Herzawarny (011 – 16175077)**